

PEMAHAMAN PELAKSANAAN KONTRAK AL-BAI' BITHAMAN AJIL (BBA) DALAM INSTRUMEN PERBANKAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IMPLEMENTATION OF IMPLEMENTATION OF AL-BAI 'BITHAMAN AJIL (BBA) CONTRACT IN ISLAMIC BANKING INSTRUMENTS IN BRUNEI DARUSSALAM

Mohd Rizal Muwazir ¹
Hajah Sabariah Haji Hassan²
Noradilah Abdul Hadi³

¹Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

²Ketua Syariah, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

³Feloh Penyelidik, Faculti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

Accepted date: 29 November 2017

Published date: 26 December 2017

To cite this document:

Muwazir, M. R., Hassan, S., & Abdul Hadi, N. (2017). Pemahaman Pelaksanaan Kontrak Al-Bai' Bithaman Ajil (BBA) Dalam Instrumen Perbankan Islam Di Negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 129 - 141.

Abstrak: *Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memahami pelaksanaan kontrak al-Bai' Bithaman Ajil (BBA) dalam penawaran instrumen pembiayaan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kualitatif. Data-data kajian diperolehi sepenuhnya melalui teknik temubual separa berstruktur ke atas 10 orang responden yang terdiri daripada pihak pengurusan atasan yang berkhidmat di Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Secara umumnya, hasil kajian mendapati bahawa responden mempunyai asas pengetahuan yang baik mengenai konsep serta isu-isu kontroversi berkaitan kontrak BBA.*

Kata Kunci: *al-Bai' Bithaman Ajil, BBA, Perbankan Islam, Temubual, Brunei*

Abstract: *The study was conducted to understand the implementation of al-Bai' Bithaman Ajil (BBA) contract in offering Islamic financial financing instruments in Brunei Darussalam. This study uses a qualitative study design. The study data was obtained through a semi-*

structured interview technique on 10 respondents comprising top management serving the Brunei Islamic Trust Fund (TAIB). Generally, the findings show that respondents have a good knowledge base on the concepts and controversial issues related to the BBA contract.

Keywords: *al-Bai 'Bithaman Ajil, BBA, Islamic Banking, Interview, Brunei*

Pendahuluan

Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah daripada negara yang mengguna pakai dan menerima kontrak al-Bai' Bithaman Ajil (BBA) bagi produk-produk pembiayaannya selain dari Malaysia, Indonesia dan Bangladesh. BBA ini merupakan kontrak Syariah yang pertama diperkenalkan bagi produk-produk pembiayaan Islam di negara ini. Pembiayaan kenderaan pula ialah merupakan produk pembiayaan yang mula-mula ditawarkan oleh TAIB dan kemudiannya diikuti oleh produk-produk pembiayaan yang lain. Dalam tempoh dua dekad semenjak tertubuhnya TAIB, penggunaan kontrak BBA masih mendominasi produk-produk pembiayaan yang ditawarkan. Di antara produk-produk pembiayaan yang ditawarkan di bawah kontrak ini ialah pembiayaan peribadi, pelajaran, hartanah sama ada untuk membeli tanah, membiayai rumah yang akan dibina, rumah yang siap dibina dan bagi pembiayaan semula rumah sama ada daripada institusi-institusi kewangan dan perbankan Islam mahupun perbankan konvensional.

Tiga dekad yang lalu, kontrak BBA diperkenalkan dan diguna pakai sebagai satu alternatif kepada skim pinjaman riba yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional. Padahal pada masa yang sama, kita juga mengetahui bahawa kontrak BBA ini tidak diterima secara global, khususnya daripada negara-negara di Asia Tengah termasuklah Pakistan kerana mereka menyifatkan BBA menyerupai konsep bai' al-'inah (Rahman, 2009). Bagaimanapun, di sebalik penolakan oleh negara-negara di Timur Tengah, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam khususnya, situasi ini telah berjaya mempopularkan kontrak BBA ini. Realiti di sebalik populariti kontrak BBA ini, penyelidik mendapati kontrak BBA ini semakin mendapat kritikan dan pelbagai isu telah ditimbulkan daripada penggunaan kontrak ini dari semasa ke semasa. Penyelidik beranggapan bahawa kritikan ke atas kontrak BBA ini seolah-olah tiada penghujungnya. Perbincangan dan perbincangan mengenainya telah banyak diutarakan di dalam persidangan ataupun seminar bahkan turut dimuatkan dan ditulis di dalam buku-buku, jurnal-jurnal serta artikel-artikel dengan membuat penganalisisan sedalam-dalamnya mengenai kontrak BBA ini (ISRA, 2009 ; Ruse, 2012).

Keadaan ini menjadi semakin rumit dengan bertambahnya kes yang berkaitan dengan kes-kes muamalat atau kewangan Islam. Kes-kes tersebut telah diheret dan dicabar di dalam mahkamah-mahkamah sivil sepertimana yang telah berlaku di Malaysia sebagai contoh kes antara Bank Islam Malaysia Berhad dengan Adnan bin Omar pada tahun 1994¹. Umum mengetahui pada asalnya kes-kes BBA dibicarakan di dalam mahkamah disebabkan pemiutang gagal melunaskan hutang tetapi yang menjadi tumpuan bukannya pada jumlah hutang yang tidak dilunaskan, tetapi kepada operasi BBA itu sendiri. Orang ramai amnya dan para peguam khususnya telah mula mempertikaikan mengenai kesahan kontrak BBA di antara bank dan pelanggan.

¹ Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur (1994) 3 CLJ 735

Meskipun kes-kes berkaitan BBA ini masih dianggap sebagai kes-kes terpencil di Negara Brunei, namun jika perkara ini berlarutan dikhuatiri kredibiliti institusi kewangan dan perbankan Islam dan pihak-pihak yang berkaitan akan terjejas dan tercemar. Dua kes yang berkaitan dengan kontrak BBA yang pernah diadili di mahkamah sivil Negara Brunei ialah antara Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dengan Morsima Sdn Bhd dan Wong Yep Meng² dan antara Bank Islam Brunei Darussalam dengan Hj Abd Halim bin Hj Ahai pada tahun 2009³.

Oleh itu, memandangkan penggunaan kontrak BBA masih mendominasi produk-produk pembiayaan, maka objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap pemahaman pelaksanaan kontrak BBA yang masih menjadi pilihan utama kepada TAIB dengan mengutarakan persoalan-persoalan berikut; (1) Apakah tahap pengetahuan pihak pengurusan TAIB terhadap kontrak BBA? dan, (2) Apakah pandangan pihak pengurusan TAIB mengenai kontroversi penggunaan kontrak BBA dalam instrumen perbankan Islam?

Sorotan Karya

Perbankan Islam di Brunei

Tercetusnya idea bagi menubuhkan sistem kewangan secara Islam di Brunei telah mula disuarakan oleh pelbagai pihak semenjak tahun 1980an lagi (Daud, 2004). Penubuhan sistem kewangan Islam ini ialah bertujuan untuk memenuhi tuntutan fardu kifayah bagi negara ini di samping memberi peluang kepada umat Islam bermuamalah mengikut landasan Islam. Perkara ini telah disebut dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di dalam mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei pada 25 September 1990.

“Umpamanya sebagai contoh satu perkara yang berhubung dengan sistem kewangan Islam, yang sangat popular hari ini, ialah Bank Islam. Ianya bukanlah lagi suatu impian atau angan-angan, tetapi khabarnya, sudah terdapat 50 buah Bank Perdagangan Islam di negara-negara Islam pada masa ini. Pada hemat beta, ini juga merupakan salah satu daripada kewajipan fardu kifayah bagi tiap-tiap negara dan negara kita Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali”.

Maka, pada 29 September 1991, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) secara rasminya telah ditubuhkan. Kemudian diikuti dengan perasmian Bank Islam kedua pada 13 Januari 1993 iaitu *Islamic Bank of Brunei* (IBB). Setelah itu disusuli pula dengan penubuhan Islamic Development Brunei Berhad (IDBB) pada 11 November 2000. Bagaimanapun, kedua-dua bank Islam ini, IBB dan IDBB telah digabungkan pada 31 Januari 2006 dan kemudiannya diberi nama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). Ini bermakna pada masa ini Brunei hanya mempunyai dua buah institusi yang menjalankan aktiviti kewangan dan perbankan Islam iaitu TAIB dan BIBD.

² Civil Court No. 14 of 2007, High Court of Brunei Darussalam, 8 Mac 2008.

³ Civil Suit No. 68 of 2009, High Court of Brunei Darussalam, 6 Februari 2010.

Walaupun TAIB pada dasarnya berfungsi sebagai sebuah institusi kewangan namun dari segi penawaran produk kepada umum ia adalah terhad. Oleh sebab itu, tidak semua produk perbankan boleh ditawarkan oleh TAIB sebagai contoh akaun semasa dan *overdraft*. Meskipun begitu, di sebalik pengehadan yang dikenakan, TAIB masih dibenarkan untuk menawarkan produk-produk pembiayaan seperti pembiayaan peribadi, pendidikan, hartanah (rumah dan tanah) dan kenderaan.

Pembiayaan kenderaan merupakan pembiayaan yang pertama diperkenalkan menggunakan kontrak BBA ini. Setelah itu diikuti pula dengan produk-produk pembiayaan yang lain iaitu hartanah, peribadi, pendidikan, kit pendidikan dan penyelesaian kad kredit. Bagaimanapun pada Januari 1997, atas nasihat daripada firma guaman yang dilantik oleh TAIB telah mencadangkan supaya pembiayaan kenderaan yang menggunakan kontrak BBA itu diganti dengan kontrak AITAB (Kertas Mesyuarat JKPS TAIB Ke 6 Bil. 5/1/1996).

Definisi Kontrak al-Bai' Bithaman Ajil (BBA)

Al-Bai' Bithaman Ajil (BBA) adalah berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *al-bai'* yang bermakna jual; *bi* bermakna dengan; *thaman* bermaksud harga; dan *ajil* bermaksud tertunda atau bertangguh (Abd. Wahab (2005)). Umum mengetahui bahawa BBA adalah merupakan jual beli dengan bayaran secara beransur atau bertangguh. Al-Zuhayli (1997), mendefinisikan BBA sebagai jual beli beransur sebagai pertukaran atau jual beli barangan yang ada, disempurnakan penyerahan barang yang dijual secara tunai, dan ditangguhkan penjelasan harga atau pembayarannya, kesemuanya atau sebahagiannya, kepada suatu tempoh yang diketahui pada masa hadapan. Biasanya bagi tempoh sebulan bagi barang-barang rumah, dan sesetengah tahunan, atau setiap 3 bulan, atau setiap tahun. Maka, jika harga keseluruhan adalah secara tangguh kepada satu tempoh yang dimaklumi seperti setahun atau kurang, ia dinamakan jual beli tangguh. Pada kebiasaannya harga bagi jual beli secara beransur atau tangguh adalah lebih tinggi berbanding dengan harga jualan tunai. Kedua-dua jenis jual beli banyak berlaku dalam kehidupan seharian, dan setiap daripada keduanya merupakan cara yang sangat disukai bagi mendapatkan keperluan yang dihajati.

Ulama telah sepakat tentang keharusan jual beli secara tangguh iaitu berdasarkan keumuman ayat al-Qur'an di dalam surah *al-Baqarah* ayat 275 mengenai jual beli yang bermaksud "dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba⁴". Meskipun begitu, tidak dinafikan di sebalik kesepakatan ulama mengenai keharusannya namun majoriti ulama sedunia tidak membenarkan BBA dijadikan sebagai produk perbankan Islam ini adalah kerana wujudnya elemen bai' al-'inah di dalamnya (Rahman, 2009). Kontroversi mengenai BBA bukanlah suatu perkara yang baru malahan telah bermula sejak ia diperkenalkan dalam industri perbankan. Pertikaian yang ditimbulkan daripada pelaksanaan kontrak BBA ini merangkumi berbagai-bagai isu berkaitan Syariah mahupun undang-undang. Ironinya, pembiayaan BBA dikritik kerana dianggap sebagai instrumen urus niaga yang tidak adil dan kaedah pembiayaan BBA juga dikatakan penuh dengan kelemahan (Mohamad, 2008). Di samping itu juga, kerana isu-isu Syariah yang masih terdapat di dalam kontrak BBA menyebabkannya semakin kurang popular (Rahman, 2006).

Kontroversi Berkaitan Kontrak al-Bai' Bithaman Ajil (BBA)

⁴ Riba bermaksud lebihan, tambahan, tidak sama timbangan atau sukatan pada masa berlaku pertukaran barang *ribawi* dan hukumnya adalah haram. Barang *ribawi* terdiri daripada wang, iaitu emas, perak atau sebarang mata wang dan bahan makanan seperti bijirin, gandum, daging dan buah-buahan.

Kontroversi mengenai penggunaan BBA sebagai kontrak pembiayaan bukannya satu perkara yang baru malahan telah wujud semenjak ia diperkenalkan tiga dekad yang lalu. Kontrak BBA ini telah menjadi polemik dalam kalangan umat Islam sedunia dalam penerimaan serta penolakannya terutama dalam kalangan sarjana-sarjana Islam dan tidak kurang juga daripada pemain-pemain industri (*industry players*). Jika sebelumnya pertikaian mengenai BBA hanya berkaitan dengan isu-isu Syariah tulen namun apabila kes-kes BBA diadili dalam mahkamah-mahkamah sivil timbul pula persoalan yang berkaitan dengan pematuhannya daripada segi Syariah dan undang-undang. Hasil pengamatan penyelidik daripada penulisan-penulisan yang terdahulu, asas pertikaian mengenai penggunaan BBA ialah kerana fungsinya sebagai instrumen bagi kontrak pembiayaan dan pelaksanaannya yang didakwa menyerupai pinjaman konvensional (Ruse, 2012).

Untuk kajian ini, penyelidik membahagikan pertikaian mengenai BBA ini kepada dua fasa iaitu zaman ulama salaf dan ulama kontemporari. Perselisihan pendapat dalam kalangan ulama-ulama terdahulu mengenai BBA adalah kerana ia mengandungi tiga perkara syubhah⁵, pertama; kerana ia mengandungi riba lebihan atau riba al-fadl⁶ di dalamnya, kedua; penangguhan masa dan ketiga-tiga jualan ini termasuk di bawah hukum larangan dua harga dalam satu jualan atau dua tawaran dalam satu tawaran. Mereka menganggap bai' al-ajil atau bai' al-taqsit adalah jual beli riba yang mengandungi riba al-fadl disebabkan wujudnya tambahan ke atas harga jualan (al-Zuhaili, 1997). Ulama dalam kalangan kontemporari pula berpendapat tidak boleh menjual kembali kepada pemilik asal dengan cara bertanggung pada harga yang lebih mahal daripada saat pembelian. Hal tersebut termasuk dalam permasalahan 'inah, begitu juga sebaliknya. Meskipun pembeli dan penjual tidak bertujuan melakukan jual beli pertama supaya dapat melakukan jual beli yang kedua, tetapi terdapat jalan dan pertalian kepada riba, dan jalan yang membawa kepada riba adalah dilarang (Abdul Maqsud, 2008).

Selain daripada itu, penggunaan kontrak BBA didakwa mengandungi unsur gharar. Razali (2008), mengatakan bahawa kebarangkalian berlakunya gharar dalam kontrak BBA adalah sangat tinggi terutama yang berkaitan dengan pembelian aset yang belum wujud iaitu bagi pembiayaan hartanah yang hendak dibina mahupun yang sedang dalam pembinaan. Tambahnya ada tiga penyebab kontrak BBA boleh membawa kepada gharar. Pertama ialah kerana jenis kontrak tersebut tidak memenuhi pensyaratan bagi barangan jualan di bawah undang-undang kontrak Islam. Kedua, kerana ia menyerupai bai' ghaib (Nazah et al., 2013) dan ketiga, ia akan mengakibatkan kerugian yang besar kepada pembeli. Menurut Dahlan dan Junid (2010), pelaksanaan BBA di Malaysia bagi pembiayaan rumah dalam pembinaan tidak sah kerana mengandungi elemen gharar al-fahisy⁷. Status mengenai rumah, cagaran, pemilikan, pembeli, bank dan pemaju adalah tidak jelas dan ini boleh mengarah kepada gharar (Hanafi dan Kasim, 2006 ; Ali, 2007 ; ISRA, 2008 ; Hashim dan Hassan, 2011).

BBA juga dikatakan penyamaran terhadap transaksi pinjaman kerana melibatkan amalan menjual dan membeli kembali (*sell and buy back*). Oleh itu, dikatakan aktiviti jual beli BBA yang dilaksanakan oleh institusi kewangan dan perbankan Islam tidak mencerminkan BBA sebenar (Hanafi dan Kasim, 2006 ; Ali, 2007 ; Ruse, 2011). Penggunaan dokumentasi *Property Purchase Agreement* (PPA) dan *Property Sale Agreement* (PSA) didakwa hanya sebagai

⁵ Syubhah iaitu kesamaran kerana tidak jelas hukumnya antara yang halal dan haram.

⁶ Riba al-fadl iaitu berjual beli atau bertukar di antara dua jenis ribawi yang sama jenis dengan kadar berat yang berbeza (jika dijual secara timbang) atau kuantitinya (jika dijual secara bilangan kuantiti).

⁷ Gharar al-fahisy bermaksud fakta atau keadaan yang tidak diketahui. Contohnya fakta atau keadaan sama ada pihak yang mengikat kontrak atau aset yang terdapat dalam kontrak atau harga aset tidak diketahui atau tidak dimaklumkan kepada pihak yang mengikat kontrak mengakibatkan sesuatu kontrak itu batal dan tak sah.

pelengkap untuk memberi kesan kepada transaksi BBA (Rosly et al., 2000). Ini kerana, semasa pelanggan datang untuk menjual aset di bawah PPA, dia bukan pemilik sebenar barangan jualan/aset kerana pelanggan berkenaan hanya membayar sebahagian daripada harga jumlah keseluruhan aset. Contohnya, 10 peratus kepada pemaju di bawah PSA. Amalan menjual dan membeli balik di bawah PSA dan PPA adalah semata-mata untuk memperoleh wang tunai yang perlu dibayar kepada penjual. Apabila dihasratkan hanya untuk mendapatkan wang tunai, maka transaksi sebegini menunjukkan berlakunya kontrak bai' al-'inah. Dalam hal ini, bank hanya berperanan selaku pembiaya dan bukannya penjual.

Selain itu juga, BBA dikatakan hilah kepada riba. Dakwaan ini adalah berdasarkan kepada pernyataan hakim mahkamah tinggi yang menyatakan bahawa amalan BBA sekarang adalah berbentuk pembiayaan dan bukannya jual beli. Hakim tersebut berpendapat, BBA adalah hilah kerana kontraknya terdapat elemen pinjaman merangkap transaksi riba yang telah dihalalkan melalui kaedah jual beli Islam (Ruse, 2011). Juga dikatakan berlakunya transaksi 'inah di mana penjual asal membeli balik hartanah/aset daripada pembeli. Dipanggil "jualan tunai", bai' al-'inah telah ditentang oleh beberapa mazhab yang telah mengistilahkan amalan ini sebagai pintu belakang riba dengan menggunakan tipu muslihat undang-undang (hilah) daripada jual beli yang seolah-olah membenarkan suatu transaksi haram yang dilarang supaya kelihatan dibenarkan (halal) (Ruse, 2011 ; Hashim, 2011). Ini adalah kerana terdapatnya dua kontrak yang tidak boleh dipisahkan daripada aset. Maka apabila ini berlaku urus niaga tidak bertindak sebagai jualan kerana niat pihak-pihak jelas menunjukkan bahawa tujuan kontrak ini adalah untuk memberikan pinjaman dengan keuntungan.

Kajian-kajian Lepas

Kajian-kajian lapangan berkaitan pelaksanaan BBA dalam sektor perbankan dan kewangan Islam amat terhad. Antara kajian awal telah dibuat oleh Mohd. Nor (2002) yang mengkaji sejauhmana kontrak BBA yang diamalkan di Bank Rakyat selaras dengan undang-undang kontrak Islam. Sementara itu, Mahmud (2003) menjalankan kajian mengenai pelaksanaan produk BBA iaitu dengan melakukan analisis tentang kekuatan dan kelemahannya dalam usaha untuk menarik minat masyarakat menggunakan prinsip BBA khususnya di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Manakala Abd. Wahab (2005), di dalam penulisannya telah menonjolkan mengenai ciri-ciri keistimewaan produk pembiayaan yang menggunakan akad BBA. Keistimewaan yang dikatakan terdapat pada akad BBA itu ialah kerana jumlah pembayaran pembiayaan yang tetap dan adanya muqassah iaitu pemberian rebat oleh bank Islam sekiranya pelanggan berkeinginan untuk melunaskan pembayarannya lebih awal daripada tempoh pembiayaan. Pada tahun 2010, Dahlan dan Abdul Kader pula telah mengemukakan dalam laporan mereka tentang beberapa isu yang terdapat di dalam BBA sama ada daripada segi Syariah mahupun undang-undang. Mereka berpendapat pelaksanaan pembiayaan rumah di bawah konsep BBA di Malaysia adalah tidak sah kerana ianya melibatkan elemen gharar al-fahisy, terutama bagi transaksi pembiayaan rumah yang sedang dibina. Sementara itu, Nazah et al., (2013) di dalam artikel mereka telah menyenaraikan lima isu berkaitan dengan pertikaian di antara institusi kewangan dan pelanggan dalam pembiayaan BBA iaitu isu bai' al-'inah, ketiadaan khiyar al-'aib, jual beli benda tidak wujud, jual beli bersyarat dan ibra⁸ bagi penamatan awal.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Selain itu, ianya merupakan kaedah yang digunakan sama ada untuk mengumpul atau menganalisis data. Kajian ini mengadaptasi pendekatan kualitatif dalam bentuk kajian kes. Reka bentuk kajian kes yang digunakan untuk kajian ini adalah kajian kes tunggal (*single-case*) kerana hanya melibatkan satu kes sahaja tetapi pada tahap holistik. Lazimnya, kajian kes tunggal digunakan dalam kes di mana tiada kes lain yang boleh didapati untuk percontohan (Zainal, 2007) dan jenis kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan untuk soalan “kenapa” dan “bagaimana” (Yin, 1994). Manakala kaedah pengumpulan data dipilih melalui teknik temu bual mendalam (*in-depth interview*) melalui kaedah temu bual tidak berstruktur.

Persampelan

Kajian ini menggunakan persampelan bukan kebarangkalian (*nonprobability sampling*) melalui prosedur persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan dipilih oleh penyelidik sebagai responden kajian. Secara keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 10 orang (Jadual 1). Penyelidik mengkategorikan responden kepada empat kategori yang terdiri daripada pengurusan TAIB, ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS) TAIB, peguam dan ahli *Shariah Financial Supervisory Board* (SFSB), Autoriti Monetari Brunei Darussalam

⁸ Ibra bermaksud rebat atau pengguguran sebahagian atau keseluruhan tuntutan terhadap sesuatu hak atau hutang (Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Kedua – Bank Negara Malaysia).

(AMBD). Semua subjek yang dijadikan subjek kajian ini diberikan kod untuk melindungi identiti mereka.

Jadual 1: Perincian Jumlah Keseluruhan Responden

Pengurusan TAIB	Ahli JKPS	Peguam	Ahli Gantian SFSB, AMBD
6 Orang	2 Orang	1 Orang	1 Orang

Soal Selidik Temubual

Instrument temu bual kajian ini terdiri daripada 3 soalan yang diutarakan berkaitan dengan pengetahuan dan pandangan responden mengenai kontrak BBA seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 berikut.

Jadual 2: Soalan berkaitan pengetahuan responden mengenai BBA

No	Item Soalan
1	Apakah pandangan anda mengenai kontrak BBA
2	Pada pandangan anda, adakah terdapat perbezaan antara kontrak BBA dengan kontrak-kontrak syariah yang lain dalam memenuhi keperluan dan kehendak para pelanggan?
3	Penggunaan kontrak BBA dalam produk pembiayaan hangat dipertikaikan. Apakah komen anda terhadap pernyataan ini?

Jadual 3: Senarai kod responden

Responden	Kod
Pengurusan TAIB	PT
AJK JKPS	PS
Peguam	RL 1
Ahli Gantian, SFSB AMBD	RL 2

Data Analisis

Pandangan Responden Mengenai BBA

Umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden bersependapat mengatakan bahawa BBA merupakan kontrak yang lazim diguna pakai dalam produk-produk pembiayaan terutama di Malaysia dan Brunei. Antara petikan pendapat responden ialah seperti berikut:

“BBA adalah salah satu produk yang banyak digunakan oleh bank-bank Islam di Malaysia dan di Brunei. Pada dasarnya, ia adalah aplikasi jual beli yang pembayarannya dibuat secara bertanggung. Walau bagaimanapun, bank-bank Islam menggunakannya sebagai salah satu kaedah pembiayaan dan juga bagi penerbitan sukuk”. (PS)

Namun begitu, mereka berbeza pendapat dari segi aplikasi kontrak BBA. Jadual 4 berikut merupakan antara perbezaan pendapat responden tentang kontrak BBA.

Jadual 4: Perbezaan pendapat responden tentang kontrak BBA

(PT1)	BBA sangat sesuai digunakan bagi pembiayaan yang tidak kompleks seperti pembiayaan peribadi. <i>“BBA adalah bergantung kepada jenis pembiayaan yang ditawarkan, BBA amat sesuai bagi pembiayaan peribadi sementara bagi pembiayaan rumah BBA adalah kurang sesuai”.</i>
(PT3)	Pelaksanaan kontrak BBA di Brunei merupakan <i>duplicate</i> daripada produk-produk pembiayaan bank-bank konvensional. <i>“Pelaksanaan BBA di Brunei kebanyakannya dipengaruhi oleh bank-bank konvensional iaitu merupakan duplicate produk dari bank-bank konvensional”.</i>
(PT4)	Kontrak BBA sepatutnya digunakan untuk pertumbuhan ekonomi sosial (<i>social economic growth</i>) dan produktif terutama bagi pembiayaan rumah. <i>“Bukan untuk mengatakan BBA tidak bagus, apa yang jelas saya lihat sepatutnya bagi transaksi tertentu, BBA adalah untuk pertumbuhan ekonomi sosial dan produktif contohnya pembiayaan rumah tetapi oleh kerana sebahagian transaksi turut melibatkan jualan dan belian melibatkan di antara suami kepada isteri, ibu bapa kepada anak atau sebaliknya...”.</i>
(PT6)	BBA merupakan satu alternatif kepada pinjaman riba dan adalah menjadi fardu kifayah kepada bank Islam untuk melaksanakannya untuk maslahat umat Islam khususnya. <i>“Satu alternatif kepada kaedah pinjaman dalam sistem perbankan konvensional. Kewajipan fardu kifayah bank Islam kepada ummah”.</i>
(RL1)	BBA adalah bertentangan dengan maqasid syariah kerana niat urus niaga adalah jelas (BBA munazzam) dan juga kerana tujuan kemudahannya. <i>“Pada pandangan peribadi saya BBA adalah bertentangan dengan maqasid syariah kerana niat urus niaga adalah jelas (BBA munazzam) serta tujuan kemudahannya”.</i>
(RL2)	BBA mempunyai potensi tertentu dan dikategorikan sebagai produk alternatif dalam pembiayaan yang patuh syariah. Bagaimanapun, daripada segi peruntukan undang-undang kontrak BBA dikatakan masih lemah kerana kes tunggakan hutang masih dirujuk di bawah bidang kuasa mahkamah sivil. Kontrak BBA dikatakan sangat sesuai bagi pembiayaan seperti komputer dan perkakasan rumah dan tidak sesuai digunakan bagi pembiayaan peribadi. <i>“Dalam konteks peruntukan undang-undang pada masa ini ia masih lemah berbanding bank konvensional selagi mana kuasa mahkamah dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan produk kewangan Islam secara khusus belum dibuat atau terlaksana”.</i>

Hasil temubual mendapati penggunaan kontrak BBA dikatakan masih mempunyai kekurangan dan kelemahan sama ada berkaitan dengan pematuhannya kepada Syariah mahu pun daripada segi peruntukan undang-undang. Hal ini diakui oleh responden PT3, RL1 dan RL2. Adapun pandangan yang diberikan oleh RL2 menyokong kenyataan yang dibuat oleh Mohamad (2008), di mana beliau mengatakan bahawa pembiayaan BBA sebagai satu instrumen urus niaga yang tidak adil dan kaedah pembiayaan yang penuh dengan kelemahan terutama yang berkaitan dengan undang-undang.

Sementara pendapat yang diberikan oleh PT6 pula menyokong pandangan Ebrahim dan Tan (2001), dan juga penjelasan yang pernah dikatakan oleh Pengurus Urusan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Dato Abdul Halim Ismail. Di mana beliau memetik ayat al-Qur'an daripada Surah al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud "*Wahai orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk tempoh yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya...*". Beliau berpendapat, di dalam ayat inilah terletak penyelesaian alternatif bagi masalah perbankan Islam kepada kaedah pembiayaan hutang sistem perbankan konvensional. Inilah hujah asas yang dikemukakan oleh perbankan Islam bagi menyokong kaedah pembiayaan BBA sejak BIMB membuka pintunya kepada awam pada 13 Mei 1983 (Mohamad, 2008).

Pengetahuan Responden Sama Ada Terdapat Perbezaan antara Akad BBA dengan Akad-akad Syariah yang Lain

Penemuan kajian mendapati bahawa responden mempunyai tiga pendapat mengenainya. Empat responden mengatakan bahawa terdapat perbezaan dalam akad BBA, sementara tiga responden pula berpendapat sebaliknya. Selebihnya, dua responden pula tidak memberikan jawapan secara tepat tentang perbezaan yang terdapat dalam akad BBA ini.

Berdasarkan dapatan kajian, kelompok pertama dalam kalangan responden mengatakan bahawa akad BBA adalah lebih *straight forward* jika dibandingkan dengan musyarakah mutanaqisah (MM). Kadar keuntungan BBA pula adalah tetap berbanding dengan MM. Ini membolehkan pelanggan untuk mengetahui jumlah bayaran yang perlu dibayar setiap bulan untuk sepanjang tempoh pembiayaan. Kelompok ini juga berpendapat akad BBA bukan sahaja *straight forward* malahan tidak memerlukan pihak ketiga, transaksinya juga mudah dan cepat. Berikut adalah antara petikan pendapat yang diberikan oleh responden;

"Akad BBA adalah satu akad yang straight forward, tidak memerlukan pihak ketiga, mudah dan cepat". (PT6)

Sementara kelompok responden kedua pula berpendapat sebaliknya. Mereka mengatakan apa pun akad yang digunakan oleh institusi kewangan Islam, pelanggan hanya menginginkan bayaran balik pembiayaan yang rendah. Oleh itu, mereka berpendapat tidak terdapat perbezaan di antara akad BBA dengan akad-akad Syariah yang lain. Misalnya, di antara akad BBA dan al-ijarah thumma al-bai' (AITAB). Seterusnya mereka berpendapat, jika diperhatikan dari sudut pelaksanaan kedua-dua akad tersebut adalah sama cuma nama sahaja yang tidak sama. Ironinya, dikatakan bahawa untuk membincangkan perbezaan di antara akad BBA dengan akad-akad Syariah yang lain hanya akan membazir waktu berharga para ulama. Berikut adalah antara petikan pendapat yang diberikan oleh responden;

"Pada pandangan saya, sama ada produk tersebut adalah 'berasaskan Syariah' atau 'patuh Syariah' bukan masalah. Ini hanya akan membuang waktu berharga para ulama untuk membincangkannya". (RL1)

Kelompok responden ketiga pula berpendapat bahawa jumlah dokumentasi BBA adalah banyak. Kandungan terma dan syarat yang tertulis pada dokumentasi lebih memihak kepada TAIB. Oleh yang demikian, TAIB mendapat manfaat daripadanya kerana hak TAIB dilindungi sedangkan pelanggan pula kehilangan hak mereka. Mereka juga mengatakan bahawa apa pun akad Syariah yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan tetapi masih didapati

kekurangannya iaitu daripada segi pengurusan risiko. Berikut adalah di antara petikan pendapat mengenainya;

“Dokumentasi BBA adalah banyak, bagus untuk TAIB, melindungi TAIB. Pelanggan-pelanggan kehilangan hak mereka. Tidak mempunyai hak yang sama”. (PT5)

Berdasarkan dapatan kajian, pada pemerhatian penyelidik pandangan yang diberikan oleh kelompok responden pertama dan kedua tentang BBA adalah didasari apa yang mereka nampak secara zahir. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat akad BBA itu tidak memiliki ciri-ciri khusus ataupun istimewa yang membezakannya dengan akad-akad Syariah yang lain sehingga penggunaan menjadi pilihan utama khasnya di TAIB.

Pengetahuan Responden Terhadap Kontroversi Penggunaan Kontrak BBA

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden sedar bahawa terdapat pertikaian dan perdebatan berkaitan pelaksanaan BBA dalam produk pembiayaan. Kesedaran ini didorong melalui pengalaman mereka semasa menghadiri seminar-seminar khasnya yang diadakan di luar Brunei. Jadual 5 berikut memperincikan perincian komen dalam kalangan responden terpilih terhadap pertikaian mengenai kontrak BBA.

Jadual 5: Pengetahuan responden terhadap kontroversi penggunaan kontrak BBA

(PT1)	<i>“Meskipun bank Islam yang lain seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah mula menukar kontrak BBA kepada kontrak Syariah yang lain namun jika BBA masih sah diperlakukan di Brunei, tidak menyusahkan dan tidak bertentangan dengan Syariah. Oleh itu, BBA masih boleh digunakan selagi belum ada kenyataan rasmi dikeluarkan oleh mana-mana pihak di Brunei tentang pengharaman BBA”</i> .
(PT2)	<i>“BBA dikatakan menyerupai produk pinjaman riba dan lebih mahal berbanding produk-produk pembiayaan yang ditawarkan di bank-bank yang tidak patuh Syarak. Di antara punca timbulnya pertikaian tentang BBA ialah setelah beberapa kes yang berkaitan dengan kontrak BBA telah dibicarakan dan dicabar di dalam mahkamah contohnya seperti yang berlaku di Malaysia”</i> .
(PT3)	<i>“Isu mengenai BBA seolah-olah tiada kesudahan dan penghujungnya. Ini adalah kerana kontrak BBA ini tidak diterima oleh negara-negara di Timur Tengah namun Malaysia, Indonesia dan Brunei masih mempraktikkannya. Jika negara-negara di Timur Tengah berani menghukumkan BBA sebagai haram, dalam konteks Brunei siapakah yang akan mengatakan kontrak BBA ini tidak boleh digunakan lagi dan siapakah yang akan memberikan garis panduan mengenainya? Amalan yang berlaku sekarang ialah sikap tunggu dan lihat ke atas apa yang berlaku pada negara berhampiran. Oleh itu, jika negara-negara di Timur Tengah berani mengatakan BBA haram sudah setentunya ada yang tidak kena dengan kontrak BBA ini”</i> .
(PT4)	<i>“Pertikaian BBA disebabkan ketidaksamaan pandangan mengenainya. BBA sepatutnya melibatkan transaksi 3 pihak”</i> .
(PT6)	<i>“Kontrak BBA tidak diiktiraf sebagai ‘halal’ oleh majoriti ulama antarabangsa disebabkan terdapatnya unsur-unsur bai’ al-‘inah. Oleh yang demikian, apabila berdepan dengan perkara yang dianggap sebagai syubhah, maka kita digalakkan untuk mengelakkannya”</i> .
(PS)	<i>“Walaupun majoriti ulama membenarkan penambahan harga disebabkan oleh pembayaran secara tangguh akan tetapi sepatutnya bank-bank Islam boleh mengamalkan kadar keuntungan yang berbeza-beza mengikut kemampuan pelanggan. Turut dipertikaikan juga ialah menjual sesuatu yang belum wujud khususnya bagi pembiayaan rumah/ bangunan yang sedang dalam pembinaan”</i> .
(RL1)	<i>“Pertikaian itu adalah di antara mereka yang menerima maqāsīd sebagai panduan untuk mengambil hukum dan mereka yang tidak melihat kepada maqāsīd. Mereka hanya melihat kepada bentuk “al-syaklu” dan tidak pasti sama ada mereka melihat kepada sebab “asbab”</i> .

(RL2) “Selain transaksi BBA yang menyerupai bai’ al-‘inah turut dikatakan bahawa sebahagian ulama kontemporari berpendapat bahawa transaksi BBA ini seperti menghalalkan cara kerana transaksinya seakan-akan pelaksanaan pinjaman yang terdapat di bank-bank yang tidak patuh Syarak”.

Mengulas tentang komen-komen yang diberikan oleh responden, pada pengamatan penyelidik, responden bukan hanya sedar tentang pertikaian pada BBA bahkan turut memberikan contoh isu-isu yang telah menjadi pertikaian bagi akad BBA ini. Pendapat yang diberikan oleh responden PT1 menyokong pendapat Ruse (2011) yang beranggapan bahawa BBA akan tetap digunakan hinggalah terdapat ketetapan Syarak yang melarangnya. Manakala kenyataan responden PT2 pula menyokong laporan yang telah dibuat Hassan (2008) dan Yaacob (2011) di mana mereka telah menyenaraikan jumlah kes BBA yang telah didaftarkan dalam mahkamah sivil di Malaysia. Sementara kenyataan responden PT4 pula menyokong pendapat Shahrudin (2013) yang mengatakan bahawa perbezaan tafsiran Syariah telah membawa kepada perbezaan pendekatan amalan dalam industri kewangan Islam. Sementara penjelasan responden PT6 dan RL2 pula menyokong kajian yang dibuat oleh Ali (2007), Dahlan dan Junid (2010), Hashim dan Hassan (2011), Ruse (2011) dan Nurarachmi et al., (2013) yang mengatakan bahawa kontrak BBA mempunyai elemen-elemen bai’ al-‘inah.

Berdasarkan kepada ulasan-ulasan yang telah diberikan oleh para responden, penyelidik merumuskan bahawa penggunaan akad BBA ini tidak akan bertahan lama di dalam pasaran perbankan dan kewangan Islam di Brunei Darussalam. Andaian penyelidik ini ialah berdasarkan adanya usaha untuk menghentikan penggunaan akad BBA bagi produk-produk perbankan. Selain daripada itu, penggunaan akad BBA secara berterusan dalam industri perbankan akan menimbulkan tanggapan bahawa institusi kewangan dan perbankan Islam di negara ini tidak cukup inovatif dan berdaya saing.

Penutup

Perihal kontroversi mengenai penggunaan BBA sebagai kontrak pembiayaan bukannya satu perkara yang baru malahan telah wujud semenjak ia diperkenalkan tiga dekad yang lalu. Pertikaian yang ditimbulkan daripada pelaksanaan kontrak BBA ini merangkumi berbagai-bagai isu berkaitan Syariah mahupun undang-undang. Ironinya, pembiayaan BBA dikritik kerana dianggap sebagai instrumen urus niaga yang tidak adil dan kaedah pembiayaan BBA juga dikatakan penuh dengan kelemahan (Mohamad, 2008). Bertolak daripada itu, kontrak BBA ini telah menjadi polemik dalam kalangan umat Islam sedunia dalam penerimaan serta penolakannya terutama dalam kalangan sarjana-sarjana Islam dan tidak kurang juga daripada pemain-pemain industri (*industry players*).

Semenjak kontrak BBA diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam penggunaannya dalam produk-produk pembiayaan begitu digemari oleh institusi kewangan dan perbankan Islam. Fenomena ini boleh kita lihat terutamanya di TAIB di mana kontrak BBA masih mendominasi berbanding dengan kontrak-kontrak Syariah yang lain. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini didapati Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah secara perlahan-lahan mula berhijrah daripada kontrak BBA kepada kontrak-kontrak Syariah yang lain bagi produk-produk pembiayaan yang ditawarkan.

Rujukan

- Abd. Wahab, N. (2005). "Al Bay' Bithaman Ajil: Suatu Alternatif Kepada Pinjaman Berasaskan Riba", in A. A. Hj Hassan (Ed.), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam Di Malaysia*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, pp. 89–90.
- Abdul Maqsud, A. M. A. (2008). *Fiqh Jual-Beli (Panduan Praktis Bisnis Syariah)*. Senayan Publishing, Jakarta.
- Ali, R. A. (2007). Aplikasi prinsip Syariah kepada produk Pembiayaan al-Bay' Bithaman Ajil (BBA): Sebagaimana Amalan Perbankan Islam Malaysia berserta Kajian Kes Hipotetikal. *Shariah Law Association of Malaysia*.
- Al-Zuhayli, W. (1997). *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*. Dar al-Fikr, Damascus.
- Brian, T. (2005). Choosing A product or Services to Sell. available at: <http://www.entrepreneur.com/article> (accessed 19 January 2016).
- Dahlan, N. H. :, & Al Juned, Z. (2010). "Shariah and Legal Issues in the Bay' Bithaman Al Ajil (BBA): A Viewpoint". *Shariah Law Report*, 3, 90-123.
- Hanafi, H. and Kasim, N. H. (2006). "Islamic House Financing: The Viability of Istisna' Compared to Bay' Bithaman Ajil (BBA)". *Jurnal Syariah*, 4 (1), 35-52.
- Hashim, W. M. W. (2011). "The Bay' Bithaman Ajil Contract as A Mode of Financing Facility: Issues and Dilema". *Journal of Academic Minds*, 5 (1), pp. 35-52.
- Hassan, Z. (2008). Shariah and Legal Issues in Al-Bay' Bithaman Ajil in the Case of Arab-Malaysian Finance Berhad v Taman Ihsan Jaya Sdn. Bhd. & ORS.
- International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) (2009a). "The Application of BBA". available at <http://www.isra.my> (accessed 20 December 2015).
- International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) (2009b). *ISRA Monograph Series: Dispute Resolution in Islamic Banking*. ISRA, Kuala Lumpur.
- Khair, K., Gupta, L. and Shanmugam, B. (2008). *Islamic Banking: A Practical Perspective*. Pearson Malaysia, Petaling Jaya.
- Mahmud, M. N. (2003). *Produk Bay' Bithaman Ajil (BBA) dalam Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuala Lumpur*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Nor, H. (2002). *Akad al bay' bithaman ajil di Bank Rakyat mengikut Perspektif Undang-Undang Kontrak Islam*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd.Nor, M. R. (2009). *Bai' al-'Inah Hukum dan Pelaksanaannya dalam Perbankan di Malaysia*., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nazah, N., Mohamed, H., & Nurrachmi, R. (2013). "Dispute between Bank and Customer in Bai' Bithaman Ajil (BBA), Case In Malaysia, MPRA". available at: <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/43991> (accessed 13 February, 2013).
- Othman, R., Azli, R. M. and Sahri, M. (2011). "Implementation of Maqasid Shari'ah in Islamic House Financing: A Study of the Rights and Responsibility of Contracting Parties in Bai' Bithaman Anjil and Musharakah Mutanaqisah". *The Journal of Applied Business Research*, 27 (5), pp. 85-96.
- Rahman, Z. A. (2009). *Panduan Perbankan Islam; Kontrak & Produk Asas*. Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Razali, S. S (2008). "The Principle of Gharar in Bay' Bithaman Ajil Contract". Proceeding of MFA Conference. Putrajaya, Malaysia, pp. 400-405.
- Rosly, S.A. (2005). *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Market: islamic Economics, Banking and Finance, Investment, Takaful and Financial Planning*. Dinamas Publishing, Kuala Lumpur.
- Rosly, S. A., Mahmood, S., & Mohd. Yassin, N. (2000). "The Role of Khiyar al-'Ayb in Bay' Bithaman Ajil Financing". *International Journal of Islamic Financial Services*, 2 (3), 1249-1265.
- Shahrudin, A. (2013). "Defining Harmonization of Shariah Rulings in Islamic Finance", in ISRA (ed.), *Socio-Ethical Dimension of Islamic Finance: Between the Ideas and Reality*. ISRA, Kuala Lumpur: ISRA, pp. 19–27.
- Yaakub, N. I. & H. (2008). Kekeliruan terhadap Pembiayaan Bai' Bithaman Ajil Di Malaysia.
- Yin, R. K. (1994). *Case Study Research: Design and Method*. Sage Publishing, California.
- Zainal, Z. (2007). "Case Study as a Research Method". *Jurnal Kemanusiaan*, 9 (2).

Zarrouk, H., El Ghak, T. and Al Haija, E. A. (2017). "Financial Development, Islamic Finance and Economic Growth: Evidence of the UAE". *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 8 (1), 2-22.